



KENYATAAN MEDIA

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Blok 4, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: (603) 2267 3633 Faks: (603) 2274 7970 E-mel: media@mida.gov.my

Laman Web: www.mida.gov.my

SIDANG MEDIA TAHUNAN MIDA PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN TAHUN 2007 19 FEBRUARI 2008

KENYATAAN OLEH :

**Y.B. DATO' SERI RAFIDAH AZIZ
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA
DAN INDUSTRI**


Sektor perkilangan telah berkembang sebanyak 2.3 peratus dalam tempoh tiga suku pertama tahun 2007. Sektor ini dijangka menyumbang 30.3 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan dijangka mewakili lebih kurang 29.3 peratus kepada jumlah gunatenaga dalam tahun 2007. Sektor perkhidmatan dijangka menyumbang 46.2 peratus (tidak termasuk perkhidmatan Kerajaan) kepada KDNK negara dan 51.4 peratus kepada jumlah gunatenaga dalam tahun 2007.

Eksport barang-barang perkilangan Malaysia berjumlah RM452.5 bilion dan mewakili 74.8 peratus daripada jumlah eksport negara dalam tahun 2007.

Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan dalam produktiviti sebanyak 2.7 peratus pada tahun 2007, dan ini terutamanya disumbangkan oleh perkembangan dalam industri berasaskan sumber dan industri berorientasikan domestik terpilih.

Semua subsektor perkhidmatan mencatitkan pertumbuhan produktiviti yang positif dalam tahun 2007. Sub-sektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi mencatat

EMBARGO : Untuk penerbitan atau penyiaran selepas 9.30 pagi, Selasa, 19 Februari 2008



pertumbuhan produktiviti sebanyak 4.4 peratus, elektrik, 4.3 peratus, perdagangan borong dan runcit, 2.1 peratus, pendidikan dan latihan, kesihatan dan perkhidmatan professional, 1.5 peratus.

Semenjak tahun 2006, MIDA telah mula mengumpul maklumat mengenai pelaburan dalam sektor perkhidmatan. Aktiviti-aktiviti dalam sektor perkhidmatan telah dikawalselia oleh berbagai Kementerian dan Agensi Kerajaan. Melalui pengumpulan maklumat ini, sehingga kini MIDA telah mempunyai maklumat mengenai jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Pada tahun 2007, pelaburan berjumlah RM125.3 bilion telah diluluskan dalam projek-projek perkilangan dan perkhidmatan, berbanding RM101.5 bilion pada tahun 2006. Pelaburan pada tahun 2007 telah melebihi sasaran tahunan sebanyak RM73.4 bilion setahun yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) bagi sektor-sektor ini. Projek-projek yang diluluskan dalam kedua-dua sektor ini dijangka mewujudkan 147,443 peluang pekerjaan.

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN

Dalam sektor perkilangan, pelaburan berjumlah RM59.9 bilion telah diluluskan pada tahun 2007, berbanding RM46.0 bilion pada tahun 2006. Pelaburan pada tahun lepas adalah yang tertinggi dicatatkan sehingga kini, dan lebih dua kali ganda daripada sasaran RM27.5 bilion setahun yang ditetapkan di bawah IMP3.

Peningkatan pelaburan sektor perkilangan adalah disebabkan oleh projek-projek yang berintensif modal, terutamanya dalam industri elektronik dan elektrik, produk petroleum termasuk petrokimia, produk logam asas dan kertas, percetakan dan penerbitan. Terdapat 11 projek dengan pelaburan yang melebihi RM1 bilion. Pelaburan dalam projek-projek ini berjumlah RM29.9 bilion atau

49.9 peratus daripada pelaburan yang diluluskan pada tahun 2007.

Pelaburan asing berjumlah RM33.4 bilion atau 55.8 peratus daripada jumlah pelaburan. Kemasukan pelaburan asing dalam sektor perkilangan pada tahun 2007 adalah yang tertinggi dicatatkan sehingga kini. Ini menunjukkan kenaikan untuk 4 tahun berturut-turut, berbanding dengan RM20.2 billion pada tahun 2006, RM17.9 bilion pada tahun 2005 dan RM13.1 bilion pada tahun 2004.

Pelaburan domestik pada tahun 2007 adalah sebanyak RM26.5 bilion, dan juga mencatatkan rekod tertinggi sehingga kini, berbanding dengan RM25.8 bilion pada tahun 2006, RM13.2 bilion pada tahun 2005 dan RM15.6 bilion pada tahun 2004.

Pelabur asing dan domestik telah memberi tindakbalas yang positif terhadap initiatif Kerajaan ke arah menggalakkan pelaburan dalam projek-projek berintensif modal, nilai ditambah yang tinggi dan yang berteknologi tinggi. Ini ditunjukkan oleh kenaikan dalam bilangan projek-projek yang berintensif modal yang diterima pada tahun 2007. Ini menjadikan Nisbah Pelaburan Modal Ke atas Pekerja (CIPE) juga telah meningkat daripada RM517,054 pada tahun 2006 kepada RM613,600 pada tahun 2007.

Projek-projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan sejumlah 97,673 peluang pekerjaan. Apabila projek-projek ini dilaksanakan, akan berlaku peningkatan dalam permintaan bagi jurutera elektrik dan elektronik, jurutera rekabentuk, jurutera R&D, jurutera kimia, metallurgists, biotechnologists, microbiologists, pharmacists dan jurutera perisian komputer. Projek-projek ini akan menyumbang kepada pembangunan sumber manusia dalam negara secara menyeluruh.

Malaysia terus menjadi lokasi yang berkos kompetitif bagi projek-projek perkilangan yang baru. Daripada 949 projek yang

diluluskan, 625 adalah projek baru yang melibatkan pelaburan sebanyak RM31.1 bilion atau 51.9 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan asing dalam projek-projek ini berjumlah RM17.3 bilion atau 55.6 peratus daripada jumlah pelaburan.

Syarikat-syarikat asing yang wujud terus menunjukkan keyakinan mereka terhadap Malaysia melalui pelaburan semula. Pelaburan asing dalam projek pembesaran dan pelbagaiian berjumlah RM16.3 bilion.

Pelaburan domestik juga melibatkan projek baru dan pembesaran. Produk petroleum termasuk industri petrokimia dan industri logam asas menarik pelaburan yang besar. Perkembangan ini adalah akibat dari kenaikan harga petroleum global dan permintaan berterusan ke atas produk keluli. Pelaburan dalam industri-industri ini akan menghasilkan pengembangan kapasiti pengeluaran dan peningkatan teknologi, terutamanya dalam sektor keluli.

Malaysia terus menarik syarikat-syarikat yang berorientasikan eksport untuk menuju operasi global mereka di negara ini. Sejumlah 323 projek dengan pelaburan sebanyak RM28.8 bilion, bercadang untuk mengeksport 80 peratus daripada keluarannya. Projek-projek berorientasikan eksport ini terutamanya dalam industri:

- elektronik dan elektrik;
- kimia dan produk kimia;
- perabot dan kelengkapan;
- pengilangan jentera;
dan
- pengilangan makanan.

PELABURAN DALAM INDUSTRI UTAMA

Semenjak wujudnya industri semikonduktor pada awal tahun 70-an, industri elektronik telah berkembang pesat menjadi industri

subsektor yang utama. Pelaburan yang berterusan oleh syarikat asing dan Malaysia telah mengubah industri ini dari aktiviti berintensif buruh kepada berintensif modal dan kemahiran, dan operasi berteknologi tinggi, yang melibatkan R&D dan pembangunan rekabentuk.

Pada tahun 2007, industri ini terus menerima pelaburan yang besar. Pelaburan dalam industri ini meningkat sebanyak 51 peratus kepada RM15.1 bilion berbanding RM10 bilion pada tahun 2006. Pelaburan ini terutamanya dalam komponen elektronik, RM10.7 bilion, elektronik pengguna, RM1.9 bilion, produk elektrikal, RM1.7 bilion, dan elektronik perindustrian, RM0.8 bilion.

Projek-projek utama yang diluluskan dalam industri komponen elektronik ialah pengeluaran peranti semikonduktor, modul ingatan, modul solar dan pemancu cakra. Dalam sub-sektor elektronik perindustrian, pelaburan adalah terutamanya dalam peralatan pengukuran dan pengujian, telekomunikasi, komputer dan perkakasan komputer dan optic dan fotonik. Terdapat minat yang meningkat dalam subsektor elektronik pengguna, terutamanya dalam pengilangan televisyen LCD dan monitor warna.

Terdapat minat yang meningkat di peringkat global terhadap sektor tenaga yang diperbaharui, yang merupakan satu dari bidang baru yang dikenalpasti bagi penggalakan di Malaysia, terutamanya pengilangan sel dan modul solar. Satu daripada pengeluar terkenal dunia telah memutuskan untuk menempatkan operasinya di Malaysia bagi mengeluarkan thin-film solar modules. Pada masa ini, MIDA juga sedang mengadakan rundingan dengan beberapa pengeluar terkenal dunia yang lain dan pembekal bahan, komponen dan perkhidmatan mereka supaya menempatkan operasi masing-masing di Malaysia. Inisiatif ini akan menghasilkan penubuhan kelumpuk industri solar di negara ini.

Pada tahun 2007, terdapat minat pelabur yang ketara dalam industri produk logam asas. Pelaburan telah meningkat daripada RM2.7 bilion pada tahun 2006 kepada RM12.2 bilion pada tahun 2007. Pelaburan domestik mewakili 59.0 peratus dan kebanyakan pelaburan adalah dalam subsektor keluli. Syarikat-syarikat baru dan wujud mencadangkan usahasama yang bernilai berbilion ringgit bagi mengeluarkan *hot-rolled coils and cold-rolled coils* berkualiti tinggi bagi memenuhi penggunaan *high-end* dalam industri automotif dan E&E.

Industri-industri lain yang menarik pelaburan yang besar pada tahun 2007 ialah industri produk petroleum termasuk petrokimia, kimia dan produk kimia, kertas, percetakan dan penerbitan dan produk makanan.

SUMBER UTAMA PELABURAN ASING

Pelaburan Jepun dalam sektor perkilangan telah meningkat dengan ketara semenjak tahun 2003, dan mencapai kemuncak pada tahun 2007, dengan pelaburan bernilai RM6.5 bilion, berbanding dengan RM4.4 bilion pada tahun 2006. Syarikat-syarikat Jepun yang wujud bercadang untuk melabur RM5.4 bilion, menggambarkan keyakinan yang berterusan ke atas Malaysia sebagai lokasi pelaburan luar pesisir. Pelaburan Jepun adalah terutamanya dalam industri elektronik dan elektrik, produk galian bukan logam dan produk petroleum termasuk petrokimia.

Jerman adalah merupakan sumber pelaburan asing kedua terbesar. Pelaburan Jerman yang berjumlah RM3.7 bilion, adalah terutamanya dalam industri elektronik dan elektrik dan produk petroleum termasuk petrokimia.

Pelaburan dari Amerika Syarikat meningkat daripada RM2.5 bilion pada tahun 2006 kepada RM3 bilion pada tahun 2007, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 20 peratus. Pelaburan ini

adalah dalam 33 projek, yang mana 13 adalah projek baru, manakala 20 adalah projek pembesaran dan pelbagai.

Pada tahun 2007, India muncul sebagai sumber pelaburan asing yang penting, berikutan dua pengambilalihan yang bernilai RM2.9 bilion. Dua pelaburan India yang besar tersebut ialah dalam industri tekstil dan kertas dan produk kertas.

Sumber pelaburan asing lain yang utama ialah dari Iran, Singapura, China, Belanda, Australia dan Korea.

STATUS PELAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN YANG DILULUSKAN

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek perkilangan yang diluluskan. Diantaranya, termasuk penubuhan Pusat Sehenti di Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Pelaksanaan Industri Daerah, Unit Pelaksanaan dan Penyelaras Projek (PICU) dan pelantikan Pegawai Projek Khas di MIDA bagi membantu pelaksanaan projek.

Langkah-langkah ini telah menyumbang kepada peningkatan kadar pelaksanaan daripada 75.8 peratus kepada 79.4 peratus dalam tempoh 2002 - 2007. Daripada 5,911 projek perkilangan yang diluluskan, 4,432 projek atau 75 peratus telah memulakan pengeluaran, manakala 259 projek berada dalam berbagai peringkat perlaksanaan. Jumlah pelaburan modal dalam 4,691 projek ini berjumlah RM117.4 billion. Pada tahun 2007 sahaja, 737 projek telah memulakan pengeluaran.

MITI, sebagai Kementerian yang menyelaras dan MIDA akan terus berkerja lebih rapat dengan Kerajaan-Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi memastikan pelabur-pelabur dibantu dalam melaksanakan projek-projek mereka di negara ini.

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan kekal sebagai sumber pertumbuhan yang penting bagi ekonomi Malaysia. Pada tahun 2007, sejumlah 2,439 projek dengan pelaburan sebanyak RM65.4 billion telah diluluskan berbanding RM55.5 bilion pada tahun 2006. Pelaburan pada tahun 2007 melebihi sasaran tahunan IMP3 berjumlah RM45.9 bilion setahun iaitu lebihan sebanyak RM 19.5 bilion.

Dalam sektor perkhidmatan, subsektor harta tanah merupakan penyumbang terbesar pelaburan berjumlah RM21.6 bilion atau 42.1 peratus daripada jumlah pelaburan, diikuti oleh subsektor pengangkutan dengan pelaburan sebanyak RM16.7 bilion atau 19.3 peratus. Subsektor lain yang menerima pelaburan besar ialah perkhidmatan sokongan, RM6.2 bilion, tenaga, RM5.5 bilion, dan telekomunikasi, RM3.9 bilion. Projek-projek yang diluluskan pada tahun 2007 dijangka mewujudkan 49,770 peluang pekerjaan.

Pelaburan domestik menyumbang RM54.6 bilion atau 83.5 peratus, manakala pelaburan asing adalah RM10.8 bilion atau 16.5 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Pelaburan asing adalah terutamanya dalam subsektor pengangkutan, RM4.5 bilion, perdagangan pengedaran, RM1.95 bilion, harta tanah, RM1.7 bilion, dan syarikat berstatus MSC, RM1.3 bilion.

Pertubuhan Serantau

Malaysia terus menarik syarikat-syarikat multinasional untuk menujuhkan operasi serantau mereka di negara ini. Pada tahun 2007, sejumlah 163 pertubuhan serantau telah diluluskan untuk ditubuhkan di Malaysia, dengan cadangan perbelanjaan perniagaan tahunan sebanyak RM700.5 juta. Operasi-operasi ini akan mewujudkan sebanyak 2,557 peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia di peringkat pengurusan, profesional dan teknikal. Daripada 163 kelulusan ini, 133 adalah pejabat

serantau/perwakilan (RE/RO), 17 ibu pejabat operasi (OHQ) dan 13 pusat perolehan antarabangsa (IPC) dan pusat pengedaran serantau (RDC).

IPC yang diluluskan pada tahun 2007 dijangka mempunyai jumlah jualan tahunan sebanyak RM2.7 bilion, dan akan menghasilkan peningkatan dalam peluang perniagaan bagi pelabuhan-pelabuhan Malaysia, lapangan-lapangan terbang dan sektor logistik. Oleh kerana IPC tersebut bercadang untuk memperolehi barang dan perkhidmatan bernilai RM937.9 juta daripada syarikat-syarikat tempatan, termasuk EKS, ia akan mewujudkan peluang bagi syarikat-syarikat Malaysia untuk berintegrasi dalam rangkaian bekalan global syarikat-syarikat MNC.

Syarikat Koridor Raya Multimedia (MSC)

Pada tahun 2007, sebanyak 266 syarikat telah diberikan status MSC dengan pelaburan berjumlah RM3.7 bilion berbanding RM2.9 bilion pada tahun 2006. Pelaburan domestik adalah sebanyak RM2.4 bilion atau 65 peratus daripada jumlah pelaburan, manakala pelaburan asing berjumlah RM1.3 juta atau 35 peratus daripada jumlah pelaburan.

Syarikat-syarikat berstatus MSC yang diluluskan pada tahun 2007 akan terlibat dalam enam aktiviti utama iaitu multimedia kreatif, perniagaan berdasarkan internet, perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar, aplikasi perisian dan *mobility embedded hardware (MeSH)* dan institusi pengajian tinggi.

Bioteknologi

Usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan bagi menggalakkan sektor bioteknologi telah mendapat kejayaan. Pada tahun 2007, sebanyak 35 syarikat telah diberikan Status Bionexus dengan cadangan pelaburan berjumlah RM565.2 juta. Pelaburan domestik

berjumlah RM487.0 juta atau 86.0 peratus, manakala pelaburan asing berjumlah RM78.2 juta.

Antara jenis-jenis aktiviti yang dicadang untuk dijalankan oleh syarikat-syarikat ini ialah pembiakan tanaman melalui kultur tisu, bajabio dan penambahbaikan tanah, peralatan perubatan dan diagnostik dan kejuruteraan tisu dan sel stem.

PELABURAN DALAM SEKTOR ASAS

Sejak tahun 2006, MIDA juga telah mengumpul statistik bagi sektor asas yang merangkumi subsektor pertanian, perlombongan, perladangan dan komoditi. Pelaburan dalam sektor asas meningkat daripada RM9.8 bilion pada tahun 2006 kepada RM22.5 bilion pada tahun 2007 dan adalah di dalam:

- pertanian RM1.7 bilion
- perlombongan RM19.2 bilion
- perladangan dan komoditi RM1.6 bilion

Pelaburan asing berjumlah RM10.9 bilion atau 48.4 peratus, manakala RM11.6 bilion atau 51.6 peratus adalah daripada sumber domestik.

Tahap pelaburan yang tinggi dalam sektor perlombongan pada tahun lalu adalah sumbangan satu projek bernilai RM10.5 bilion untuk membina satu telaga minyak baru di Sarawak. Sektor pertanian menarik pelaburan berjumlah RM1.5 bilion, hasil daripada satu projek bagi perikanan laut dalam.

PENARAFAN MALAYSIA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Banyak organisasi dan syarikat-syarikat pakarunding antarabangsa menarafkan negara-negara berdasarkan daya saing perniagaan dan suasana pelaburan mereka. Pada tahun 2007 dan 2008, Malaysia ditempatkan pada kedudukan yang baik oleh beberapa organisasi antarabangsa:

- ke 21 dari segi ekonomi paling kompetitif daripada 131 negara oleh *World Economic Forum*;
- ke 23 dari segi negara paling kompetitif di antara 55 negara yang dikaji selidik oleh *Institute of Management Development, Switzerland*;
- ke 24 dari segi Mudah Menjalankan Perniagaan oleh *World Bank*;
- ke 3 di antara pusat pertumbuhan utama dalam pasaran baru muncul dari tahun 2006 – 2020 oleh *Deutsche Bank*;
- AT Kearny menarafkan Malaysia seperti berikut:
 - ke 3 dalam Indeks Lokasi Perkhidmatan Global (*Global Services Location Index*);
 - ke 16 dalam Indeks Keyakinan FDI (*FDI Confidence Index*);
 - ke 23 daripada 70 negara yang dikaji selidik dalam Indeks Globalisasi (*Globalisation Index*).
- ke 14 dari segi destinasi pilihan untuk FDI oleh UNCTAD;
- ke 2 terbesar dalam stok dan aliran FDI dari segi peratus GDP oleh *Hendrick & Struggles* dan *Economic Intelligence Unit*; dan
- Kuala Lumpur ditarafkan sebagai lokasi ke 6 termurah di dunia daripada 137 lokasi untuk sewaan menurut *DTZ Research's Global Occupancy Cost Survey*. Kos untuk menyediakan *work station* setiap pekerja di Kuala Lumpur adalah USD3,120 setahun berbanding USD16,220 di Singapura dan USD27,540 di Hong Kong.

Penarafan positif oleh organisasi antarabangsa mencerminkan daya saing perniagaan Malaysia sebagai lokasi luar pesisir bagi pelaburan asing.

TINJAUAN PELABURAN BAGI TAHUN 2008

Perkembangan global akan terus memberi impak ke atas aliran pelaburan ke dalam sektor pelaburan dan perkhidmatan di Malaysia. Pada tahun 2008, persaingan sengit untuk FDI akan berterusan, di mana banyak negara akan memperkemaskan lagi dasar dan strategi pelaburan mereka. Harga minyak global yang tinggi ketika ini dan ketidakpastian dalam ekonomi Amerika

Syarikat akan memberi kesan terhadap aliran keluar dan aliran masuk FDI global.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan beberapa langkah bagi mengekalkan daya saing negara. Ia termasuk:

- pengurangan cukai korporat daripada 26 peratus pada tahun 2008 kepada 25 peratus pada tahun 2009;
- peruntukan Kerajaan sebanyak RM236 juta bagi menyokong industri bioteknologi;
- memperkuatkan modal insan dengan memberi penekanan ke atas pendidikan dan latihan kemahiran. Satu peruntukan berjumlah RM2 bilion akan disalurkan ke berbagai agensi Kerajaan bagi meningkatkan bilangan dan kualiti pekerja-pekerja;
- mempergiatkan lagi penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersialan R&D watan. Pada tahun 2008, RM1.1 bilion telah diperuntukan bagi dana sains dan techno untuk institusi-institusi penyelidikan;
- memastikan kelulusan segera bagi permohonan-permohonan untuk insentif khas dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan melalui satu jawatankuasa tertinggi galakan istimewa di MITI dan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan bagi Projek Berimpak Tinggi ;
dan
- menujuhkan PEMUDAH bagi menambahbaik sistem penyampaian sektor awam.

Unit Imigresen di MIDA telah pun memulakan operasi sejak Disember 2007. Unit ini membantu pegawai-pegawai dagang dalam permohonan berkaitan pas penggajian, pas tanggungan, pengakuan pelajar bagi anak-anak pegawai dagang dan kad pengenalan bagi pegawai-pegawai dagang. Syarikat-syarikat di mana jawatan-jawatan pegawai dagang telah diluluskan oleh

MIDA adalah digalak menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Unit ini.

Pusat Khidmat Nasihat di MIDA juga telah diperluaskan bagi menempatkan wakil-wakil kanan dari Telekom Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kewangan dan Jabatan Alam Sekitar. Selain daripada itu, bagi membantu para pelabur dalam mendapatkan maklumat mengenai sektor perkhidmatan, pegawai-pegawai perhubungan dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Kementerian-Kementerian Kesihatan, Pelancongan dan Pengajian Tinggi telah dilantik. Bakal-bakal pelabur dan pelabur-pelabur sedia ada adalah digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan pegawai-pegawai ini di Pusat Khidmat Nasihat dan pegawai-pegawai perhubungan tersebut yang bertempat di agensi masing-masing.

MITI dan agensi-agensinya, seperti MIDA dan MATRADE, akan mempergiatkan aktiviti-aktiviti promosi mereka melalui Misi-Misi Perdagangan dan Pelaburan bagi menarik pelaburan dari negara-negara yang disasarkan. Pada tahun 2008, sembilan Misi Perdagangan dan Pelaburan akan dianjurkan ke negara-negara Asia, Eropah dan Amerika Syarikat. MIDA juga akan menganjurkan sembilan Misi Projek Spesifik ke negara-negara pengeksport modal dengan sasaran ke syarikat-syarikat yang tertentu. Sektor swasta adalah dijemput untuk menyertai misi-misi ini bagi meneroka peluang-peluang perniagaan.

Pejabat-pejabat MIDA Seberang Laut telah diarah untuk menumpukan perhatian mereka dalam menarik pelaburan yang berkualiti di negara-negara di bawah liputan mereka. Sehingga kini, sebanyak 1,048 syarikat telah dikenalpasti oleh 16 Pejabat-pejabat MIDA Seberang Laut. Syarikat-syarikat ini adalah di dalam bioteknologi, peralatan perubatan, farmaseutikal, produk elektronik bernilai tinggi, jentera dan kelengkapan, ICT dan aktiviti-aktiviti digalakkan dalam sektor perkhidmatan. Syarikat-syarikat

terpilih akan ditawarkan insentif khusus bagi menarik mereka menubuhkan operasi di Malaysia.

Syarikat-syarikat yang melabur dalam operasi berintensifkan teknologi dan pengetahuan memerlukan pakej insentif yang menarik dan keputusan yang cepat dari negara tuan rumah. Kerajaan Malaysia telah dapat memberi tindak balas yang cepat ke atas permohonan bagi mendapatkan insentif khas melalui kelulusan yang diberi oleh Jawatankuasa Tertinggi Galakan Istimewa di MITI dan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan bagi Projek Berimpak Tinggi. Pada tahun 2007, sebanyak 36 projek telah ditawarkan insentif khas melibatkan pelaburan berjumlah RM33.1 bilion.

Kerajaan-kerajaan Negeri juga perlu menawarkan pakej insentif yang kompetitif bagi melengkapi usaha Kerajaan Persekutuan dalam menarik pelaburan. Khususnya, Kerajaan-kerajaan Negeri perlu terus meningkatkan kemudahan-kemudahan di kawasan-kawasan perindustrian mereka bagi memenuhi standard antarabangsa dan juga kehendak pelabur.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kerajaan telah memperuntukan RM429.75 juta untuk meningkatkan infrastruktur kawasan-kawasan perindustrian. Sehingga kini, RM241.64 juta telah disalurkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Dana infrastruktur, yang sebelum ini diurus oleh Unit Perancang Ekonomi, kini di bawah bidang kuasa MIDA. Kerajaan juga telah menyokong penubuhan satu lagi taman teknologi tinggi di Senai, Johor, yang akan dibangunkan oleh sektor swasta selain daripada Kulim High Tech Park dan Perak High Tech Park.

MIDA dan MITI akan terus mempertingkatkan usaha bagi menambah penyertaan pelabur domestik dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Pada tahun 2008, lima seminar akan dianjurkan untuk memaklumkan pelabur-pelabur domestik tentang peluang-peluang perniagaan yang terdapat di Koridor Ekonomi

Wilayah Utara (NCER), Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER), Wilayah Pembangunan Iskandar (IDR) dan Koridor Pembangunan Sabah (SDC). Selain daripada itu, MIDA juga akan menganjurkan empat seminar industri spesifik mengenai industri-industri elektronik, pemprosesan makanan, peralatan perubatan dan jentera dan sokongan kejuruteraan.

Usahawan-usahawan domestik juga digalakkan untuk menjalankan kegiatan perniagaan di seberang laut memandangkan pelaburan ini akan menghasilkan faedah ekonomi kepada negara. Ini termasuk, akses kepada pasaran baru dan lebih besar, mendapat akses kepada input bahan mentah dan komponen, meneroka peluang-peluang pelaburan baru dan memperolehi teknologi baru.

Pada tahun 2008, MIDA akan menganjurkan 15 seminar Pelaburan Seberang Sempadan dan misi-misi ke negara-negara yang disasar dalam sektor yang telah dikenalpasti. Lapan seminar pelaburan tentang peluang-peluang perniagaan akan diadakan meliputi negara-negara China, India, Indonesia, Syria, Tunisia, Mesir, Mozambique dan Rwanda. Tujuh misi seberang sempadan yang dirancang adalah ke negara-negara Vietnam, China, Bosnia, Mesir, Sudan, Uganda dan Nigeria.

Pada tahun 2007, Kerajaan telah berjaya memastikan peningkatan paras pelaburan ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan seperti yang dibuktikan dalam pencapaian yang diperolehi. Walau bagaimanapun, dalam keadaan ketidaktentuan global, keupayaan untuk terus menarik pelaburan yang besar akan bertambah mencabar. Oleh itu, sokongan daripada semua Kementerian, Agensi Kerajaan dan Kerajaan Negeri adalah kritikal, sekiranya Malaysia ingin terus kompetitif dan mengekalkan tahap aliran kemasukan pelaburan asing dan domestik yang tinggi.

Kerajaan bersikap terbuka terhadap maklumbalas daripada komuniti perniagaan asing dan tempatan bagi memperbaiki lagi suasana pelaburan di negara ini. Saluran komunikasi adalah sentiasa terbuka bagi pandangan dan pertukaran idea dalam merangka dasar dan strategi efektif untuk faedah komuniti perniagaan secara amnya dan negara pada keseluruhannya.

LAMPIRAN 1

PELABURAN DILULUSKAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN PADA TAHUN 2007

Perkilangan	RM 59.9 bilion
Perkhidmatan	RM 65.4 bilion

Jumlah	RM 125.3 bilion
Gunatenaga	147,443

Sektor Perkilangan

Pelaburan Asing	RM 33.4 bilion
Pelaburan Domestik	RM 26.5 bilion
Gunatenaga	97,673

Sektor Perkhidmatan

Pelaburan Asing	RM 10.8 bilion
Pelaburan Domestik	RM 54.6 bilion
Gunatenaga	49,770

LAMPIRAN 2

SUMBER UTAMA PELABURAN LANGSUNG ASING DALAM SEKTOR PERKILANGAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007

<u>Negara</u>	<u>2007</u> <u>(RM juta)</u>	<u>2006</u> <u>(RM juta)</u>
1. Jepun	6,552.7	4,411.6
2. Jerman	3,756.8	232.3
3. Iran	3,067.8	-
4. Amerika Syarikat	3,020.0	2,476.6
5. Singapura	2,952.2	1,884.7
6. India	2,923.7	8.3
7. China	1,883.2	134.1
8. Belanda	1,690.4	3,284.2
9. Australia	1,685.1	2,560.1
10. Republik Korea	1,118.8	437.8

LAMPIRAN 3

PELABURAN DILULUSKAN DALAM SEKTOR UTAMA PADA TAHUN 2006 DAN 2007

Projek-projek yang telah diluluskan adalah tertumpu dalam industri-industri seperti berikut:

<u>Industri</u>	<u>(RM bilion)</u>	
	<u>2007</u>	<u>2006</u>
• Produk elektronik dan elektrik	15.1	10.0
• Produk petroleum (termasuk petrokimia)	13.8	11.4
• Produk logam asas	12.2	2.7
• Kimia dan produk kimia	3.8	9.1
• Kertas, percetakan dan penerbitan	2.9	0.7
• Pengilangan makanan	2.4	1.6
Jumlah	<u>50.2</u>	<u>35.5</u>

LAMPIRAN 4

PELABURAN ASING DAN DOMESTIK MENGIKUT SEKTOR UTAMA PADA TAHUN 2007

Pelaburan asing adalah tertumpu dalam industri-industri seperti berikut:

• Produk elektronik dan elektrik	RM13.7 bilion
Produk petroleum (termasuk petrokimia)	RM5.3 bilion
• Produk logam asas	RM4.9 bilion
• Kertas, percetakan dan penerbitan	RM1.8 bilion
• Kimia dan produk kimia	RM1.6 bilion
• Tekstil dan produk tekstil	RM1.3 bilion
• Jentera dan kelengkapan	RM1.2 bilion

Pelaburan domestik adalah tertumpu dalam industri-industri seperti berikut:

Produk petroleum (termasuk petrokimia)	RM8.5 bilion
• Produk logam asas	RM7.2 bilion
• Kimia dan produk kimia	RM2.2 bilion
• Pengilangan makanan	RM2.0 bilion
• Produk elektronik dan elektrik	RM1.4 bilion
• Kelengkapan pengangkutan	RM889.4 juta
• Jentera dan kelengkapan	RM545.7 juta

LAMPIRAN 5

PELABURAN DILULUSKAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN PADA TAHUN 2006 DAN 2007

<u>Subsektor</u>	<u>(RM juta)</u> <u>2007</u>	<u>(RM juta)</u> <u>2006</u>
• Pertubuhan Serantau	700.5	950.0
• Perkhidmatan Sokongan	6,184.9	318.8
• Syarikat Berstatus MSC	3,698.7	2,918.0
• Hartanah (Perumahan)	21,612.7	18,042.6
• Pengangkutan	16,740.5	11,577.1
• Tenaga	5,536.8	4,599.6
• Telekomunikasi	3,927.4	4,803.0
• Perdagangan Pengedaran	2,907.7	2,667.9
• Hotel & Pelancongan	1,311.8	2,431.0
• Perkhidmatan Kewangan	1,298.0	6,982.0
• Perkhidmatan Kesihatan	1,012.6	155.5
• Perkhidmatan Pendidikan	347.9	75.1
• Bioteknologi	150.7	-
Jumlah	<u>65,430.2</u>	<u>55,520.6</u>

LAMPIRAN 6

SENARAI PROJEK PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN BERKAITAN YANG TERPILIH DILULUSKAN PADA TAHUN 2007

Produk Elektronik dan Elektrik

Projek-projek besar yang diluluskan termasuk:

- Projek baru oleh Osram Wafer Technologies (M) Sdn. Bhd. untuk menghasilkan wafer fabrikatsi 4-inci bagi 'light emitting diodes (LEDs)'.
- Projek baru oleh Seagate International (Johor) Sdn. Bhd., syarikat milik penuh asing, untuk menghasilkan substrat untuk peranti penyimpanan data melibatkan pelaburan sebanyak RM892.0 juta.
- Sebuah projek pembesaran oleh Panasonic AVC Networks Malaysia Sdn. Bhd. untuk mengeluarkan televisyen LCD dengan pelaburan sebanyak RM97.8 million.
- Sebuah projek pembesaran oleh Siltera Malaysia Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh rakyat Malaysia, untuk menghasilkan 'semiconductor fabricated wafers' dengan pelaburan berjumlah RM221.0 juta.

Industri Kelengkapan Pengangkutan

- Sepang Aircraft Engineering Sdn. Bhd., projek baru milik penuh rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM100.0 juta untuk aktiviti penyelenggaran, pembaikian dan dan baikpulih.

Industri Pengilangan Jentera

M&E Khusus bagi Industri Minyak dan Gas

Projek utama yang telah diluluskan adalah:

- Asiaflex Products Sdn Bhd, projek baru milik rakyat asing bagi mengeluarkan paip mudah bentuk bagi pengeluaran minyak dan gas luar pesisir dengan pelaburan berjumlah RM 692.8 juta.
- Halliburton Manufacturing Technology (M) Sdn. Bhd., projek baru milik rakyat asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM115 juta bagi mengeluarkan peralatan pelengkap telaga minyak dan produk berkaitan.
- Continental Alloys & Services (M) Sdn. Bhd., projek baru milik rakyat asing bagi mengeluarkan *precision machined parts* dengan pelaburan berjumlah RM 53.2 juta.
- MIR Valve Sdn Bhd, projek usahasama baru bagi mengeluarkan injap dan penggerak (*actuators*) bagi industri minyak dan gas dengan pelaburan berjumlah RM 50 juta.

M&E Khusus untuk Industri Elektronik dan Elektrik

Projek utama yang telah diluluskan adalah:

- Pac Tech Asia Sdn. Bhd., projek baru milik rakyat asing dengan jumlah pelaburan RM57.9 juta, bagi mengeluarkan peralatan laser, peralatan pemasangan wafer, peralatan pengilangan MEMS dan perkhidmatan bagi *wafer level packaging*.

M&E Umum, Modul M&E dan Peralatan Perindustrian

Projek utama yang telah diluluskan adalah:

- Galaxy Energy Technologies Sdn. Bhd., projek baru milik rakyat asing dengan jumlah pelaburan RM92 juta bagi mengeluarkan pemotong tarbin gas dan wap bagi industri minyak, gas, petrokimia dan penjanaan tenaga.
- Tanjung Offshore Services Sdn. Bhd., projek baru milik rakyat Malaysia bagi mengeluarkan sistem kawalan, *fire and gas system* dan sistem pemutus kecemasan dengan jumlah pelaburan RM61.8 juta.
- HUB Technologies (M) Sdn Bhd, projek baru milik rakyat Malaysia dengan jumlah pelaburan RM36.2 juta bagi mengeluarkan *aerosol fire suspension systems and parts*.

Industri Produk Logam Asas

Projek utama yang telah diluluskan adalah:

- Projek baru milik rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM 4.5 bilion oleh Eastern Steel Sdn. Bhd. bagi mengeluarkan *pig iron, flat iron, billets, blooms, hot rolled coils, plates, cold rolled coils* dan *hot rolled bars*.
- Projek baru milik rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM3.4 bilion oleh Lion Group, bagi mengeluarkan *liquid hot metal, pig iron, iron ore pellets, furnace slags, furnace gas, coke, coke breeze, crude tar, ammonia, benzol, coke oven gas, slabs, plates, hot and cold rolled coils, ductile iron pipes, welded pipes, galvanised coils and sheets*.
- Projek baru milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM 1.2 bilion oleh Fresh Rewards Sdn. Bhd. bagi mengeluarkan *pig iron*.
- Projek baru milik rakyat Malaysia oleh Ann Joo Intergrated Steel Sdn. Bhd. dengan pelaburan sebanyak RM 830 juta bagi mengeluarkan logam panas cecair, *pig iron, steel slabs, blast furnace gas* dan *blast furnace slags*.

Industri Produk Logam Fabrikasi

- Projek baru majoriti milik rakyat Malaysia oleh Muhibbah Steel Industries Sdn. Bhd. dengan jumlah pelaburan RM 114.9 juta bagi mengeluarkan platform dan jackets.

Industri Tekstil dan Produk Tekstil

- Pengambilalihan Hualon Corporation (M) Sdn Bhd oleh Reliance Industries Limited, India dengan pelaburan berjumlah RM1.2 bilion untuk mengeluarkan *polyester resin*, fiber, benang dan fabrik serta untuk menjalankan aktiviti penyiapan fabrik. Dalam industri tekstil, syarikat ini merupakan pengeluar *fiber polyester* dan benang terbesar di dunia.

Industri Kertas dan Produk Kertas

- Sebuah projek pembesaran/pelbagaian oleh Sabah Forest Industries Sdn. Bhd. dengan pelaburan sebanyak RM 1.9 bilion bagi mengeluarkan pulpa. Projek pembesaran/pelbagaian ini adalah hasil pengambilalihan oleh Ballapur Industries Ltd. (BILT) pada tahun 2007.

Industri Peralatan Perubatan

- HWG Venture Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh rakyat Malaysia dengan pelaburan bermilai RM131 juta untuk mengeluarkan turas dialisis pakaibuang (*dialyzers*).
- Symmetry Medical Malaysia Sdn. Bhd., sebuah projek bermilai RM56 juta untuk mengeluarkan kes pensterilan perubatan, alat perubatan dan implan ortopedik.
- Scandinavian Wireless Electronics Sdn. Bhd., projek yang bermilai RM40 juta merupakan projek perintis di Malaysia untuk mengeluarkan unit penggera pengawasan dialisis dan sensor pengawasan dialisis.

Pertanian dan Pemprosesan Makanan

- PML Dairies Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh Fraser and Neave Holdings Bhd (F&N) untuk mengeluarkan produk tenuus dengan pelaburan bermilai RM457 juta.
- Lion Eco Chemicals Sdn. Bhd., dengan pelaburan melebihi RM200 juta, bagi mengeluarkan *methyl ester sulfonates*.
- Oleon Sdn. Bhd., dengan pelaburan sebanyak RM139.1 juta, untuk mengeluarkan *industrial esters* daripada asid lelemak.

Industri Produk Petroleum (Termasuk Petrokimia)

Projek utama yang telah diluluskan adalah:

- Sebuah projek pembesaran/pelbagai oleh SKS Refinery Sdn. Bhd., dengan pelaburan berjumlah RM 9.9 bilion bagi pembesaran kapasiti pengeluaran LPG, gasolin, minyak tanah dan diesel serta pengeluaran produk tambahan iaitu kok dan sulfur.
- Sebuah projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat Malaysia dengan pelaburan tambahan sebanyak RM2.4 bilion bagi membesarkan aktiviti penapisan dan pengeluaran gas petroleum cecair, nafta kimia, gasolin, minyak tanah dua kegunaan/minyak jet, diesel, minyak pembakar, sulfur, *lube base stock*, asfalt dan kok.
- Sebuah projek baru oleh Spolchemie (M) Sdn. Bhd. dengan pelaburan bermilai RM192.5 juta untuk mengeluarkan *epichlorohydrin*. Projek ini akan menjadi projek pertama berskala dunia bagi mengkomersilkan pengeluaran *epichlorohydrin* dengan menggunakan *glycerine* daripada minyak sawit. Projek ini akan menjadi salah satu daripada perintis dalam penggunaan sumber semulajadi yang boleh diperbaharui bagi pengeluaran plastik kejuruteraan.

Pertubuhan Serantau

Ibu Pejabat Operasi (OHQs)

- Kumpulan IBM akan membesarkan pusat perkongsian perkhidmatan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan gunasama kepada entiti berkaitan di Australia, New Zealand, Jepun, Korea, Republik Rakyat China, Hong Kong dan Amerika Syarikat.
- Baker Hughes Incorporated telah menubuhkan pusat perkongsian perkhidmatan di Malaysia untuk aktiviti telaga minyak bagi menyokong operasinya di rantau Asia Tengah, Asia Pasifik, Australia, Bermuda, Amerika Syarikat, Panama, Pulau Cayman, Singapura, Indonesia, New Zealand dan Thailand.
- Philip Morris (M) Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat FTR Holdings dari Switzerland dan salah satu daripada pengilang tembakau terbesar di dunia, akan memberikan perkhidmatan kepada syarikat berkaitannya di Filipina, Indonesia, Korea, Australia, Hong Kong dan Switzerland.
- NOL Group Services Centre Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Neptune Orient Lines Ltd., yang merupakan syarikat perkapalan nasional Singapura, akan bertindak sebagai *Global Finance* dan *Regional Administrative* serta membekalkan perkhidmatan sokongan kepada 150 syarikat berkaitan di seluruh dunia.

Pusat Perolehan Antarabangsa (IPCs)

- Asahi Sangyo (M) Sdn Bhd, sebuah subsidiari Asahi Sangyo Kaisha, Ltd., iaitu sebuah syarikat perdagangan dari Jepun. Syarikat ini akan terlibat dalam import dan eksport bahan mentah, produk perindustrian serta komponen elektrik dan elektronik kepada pelanggan dari pelbagai negara.
- Jackspeed Leather Special Manufacturer (M) Sdn. Bhd., sebuah subsidiari Jackspeed Corporation Ltd. dari Singapura, yang mengeluarkan produk berasaskan kulit, berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat

perolehan dan pengedaran bahan mentah serta barang siap untuk kumpulan syarikatnya.

- Knowles International (M) Sdn. Bhd., pengilang terbesar di dunia bagi *balanced amateur transducers* yang digunakan dalam alat bantuan pendengaran serta aplikasi akustik berkualiti tinggi, yang akan membuat perolehan produk bernilai RM 862.5 juta dari syarikat tempatan termasuk IKS.

